

06/05/2001

Cabaran selepas pemilihan bahagian Umno

PERSIDANGAN bahagian Umno sudah habis. Yang menang tentulah alang kepalang seronoknya. Sana-sini pergi orang ucap tahniah. Orang jabat salam dan ajak minum.

Yang sudah jadi Yang Berhormat disebut-sebut akan naik pangkat lebih tinggi. Yang belum YB pun dipanggil YB.

Yang kalah pula tentulah sudah terima kekalahan. Ada yang dengan kesedihan dan boleh jadi juga yang berasa lega. Ada yang marah. Ada yang tidak.

Kalau yang punya diri tak sedih atau tak marah, penyokong pula yang sedih dan marah. Lumrah alam. Ada waktu naik dan ada waktu jatuh. Tak seorang pun akan kekal di atas.

Macam-macam jenis pemimpin telah dipilih. Ada yang hidup matinya dengan parti. Ada yang habis duit dan gadai kampung kerana parti. Tidak kurang pula yang jadi kaya-raya kerana parti.

Ada pemimpin biasa yang dipilih. Ada juga orang korporat yang terlalu kaya yang entah mengapa seronok sangat nak jadi ketua bahagian.

Tapi bagi Kiau, ada dua perkara penting yang Umno kena tangani akibat daripada pemilihan itu.

Yang pertama, macam kata Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ialah merapatkan balik barisan. Tapi macam orang putih kata, easier said than done. Kita kata, lebih mudah cakap daripada buat.

Di banyak bahagian, pertandingan bukan saja sengit malah lebih hangat daripada pilihan raya umum. Macam-macam cerita kita dengar.

Apabila Kiau balik kampung baru-baru ini, orang kampung cerita tentang harimau yang merayau seluruh kampung pada malam sebelum pemilihan. Kiau tanya depa, "Apa dia ghimau tu?"

"Duitlah," jawab salah seorang daripada mereka.

Tapi Kiau tak dengar pula berita atau desas-desus yang mana-mana calon dalam bahagian itu dituduh guna politik duit. Tapi seperti yang kita maklum, banyak aduan politik duit dan penyelewengan sudah dibuat kepada Lembaga Disiplin Umno yang dibagi tugas terima dan siasat macam-macam tuduhan yang terbit daripada pemilihan itu.

Sebelum pertandingan pun kita sudah dengar cakap-cakap dan tuduhan mengenai politik duit. Kita tentu belum lupa lagi ancaman letak jawatan Datuk Fauzi Abdul Rahman, Adun Beserah, yang tuduh pihak tertentu guna politik duit dalam perebutan jawatan bahagian Kuantan. Khabarnya BPR pun dah buka fail mengenai dakwaan itu.

Baru-baru ini pula Kiau baca dalam akhbar The Star tentang rungutan beberapa pemimpin Umno bahagian Muar yang mahukan jawatankuasa itu segera buat keputusan mengenai aduan mereka. Mereka kata, mereka sudah lama dipanggil oleh jawatankuasa itu tapi belum dapat sebarang keputusan.

Dalam pertandingan itu, seorang tokoh korporat, Datuk Abdullah Omar berjaya jatuhkan ketua bahagian lama, Abdul Malik Munip yang pernah jadi Ahli Parlimen dan Dewan Undangan Negeri.

Malik Munip, bekas pensyarah Universiti Malaya, kalah kepada Abdullah yang berupa timbalan pengerusi eksekutif dan pemilik saham utama Kentucky Fried Chicken (KFC).

Kiau tak tahulah kalau orang macam Abdullah termasuk dalam kategori "terlalu kaya" yang disebut oleh Dr Mahathir di Kubang Pasu baru-baru ini. Tapi macam Kiau kata minggu lepas, miskin kaya bukan soalnya. Yang jadi masalah ialah sama ada mereka guna politik duit atau tidak.

Kiau berani kata, Umno akan musnah kalau politik duit tidak disekat dan orang yang terlalu kaya campur tangan terlalu cergas dalam politik sampai ke peringkat cawangan dan bahagian.

Inilah yang terjadi kepada MCA pada tahun 80-an. Parti itu menjadi parti tauke dan parti orang kaya sehingga ditolak oleh sebahagian besar keahliannya. Kepemimpi-nannya jadi kucar-kacir hingga terpaksa lantik Tun Ghafar Baba jadi pengerusi sementara.

Kiau rasa kalau jawatankuasa penyiasat Umno tidak siasat serapi-rapinya dan tidak keluarkan laporan secepat mungkin, barisan yang terbelah payah disatukan semula dan yang dipilih itu pun akan terus tercabar.

Soalnya, bukan pertahankan Dr Mahathir atau Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tapi Umno pada keseluru-hannya. Kiau yakin Dr Mahathir dan Abdullah tidak masuk campur dalam pemilihan bahagian. Tapi Kiau tak berani kata tak ada calon yang tak guna nama Dr Mahathir atau Abdullah.

Sebaliknya Kiau langsung tak terkejut kalau banyak calon, termasuk yang menang, yang guna nama pemimpin atasan termasuk ahli majlis tertinggi dan menteri besar untuk perkuat peluang mereka menang jawatankuasa bahagian.

Khabarnya bukan sekadar mengaku disokong pemimpin atasan malah ada yang ungkit hubungan kekeluargaan di antara mereka dengan pemimpin atasan. Orang macam ini, kalau ada, harus didedah dan seperti dijanjikan, disingkir daripada kepemimpinan parti. Tak kira mereka orang korporat, orang terlalu kaya atau orang biasa.

Kalau dulu kita ketawakan MIC kerana mesyuaratnya yang kucar-kacir tapi hari ini mesyuarat MIC adalah antara yang paling berdisiplin. Sebaliknya kita baca dalam surat khabar banyak mesyuarat Umno yang kucar-kacir dan dipertikai. Kita baca bukan daripada akhbar pembangkang, tapi daripada akhbar yang sokong Umno dan kerajaan.

Inilah cabaran-cabaran selepas pertandingan bahagian yang terpaksa ditangani Umno tidak kira sepahit atau seberat mana. Umno janganlah tunggu sehingga jadi macam Parti Kongres di India dan Liberal Democratic Party (LDP) di Jepun.

Ingatlah, parti Koumintang yang begitu kuat dan lama perintah Taiwan sejak 1949 itupun akhirnya tumbang apabila rakyat berubah selera dan tidak lagi percaya kepadanya.

(END)